




JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. QMS 02304



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4(8)

Tarikh : 9 Disember 2022
14 Jamadilawal 1444H

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato' / YBhg. Dato' Seri/ Dato' / Dr/ Ir/ Tuan/ Puan,

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022 (BKK-2)
KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 7 Disember 2022 telah bersetuju dan meluluskan pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 (BKK- 2) kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri meliputi Kumpulan Pengurusan Tertinggi sebanyak **setengah bulan gaji atau minimum RM1,200.00. Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 4 Tahun 2022 rujukan PSUKPP/01/0755/3 Klt. 7 (51) bertarikh 9 Disember 2022 – Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 (BKK-2) Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dikeluarkan bagi tujuan pelaksanaan pembayaran ini.**

3. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar pada **19 Disember 2022 (Isnin)** menggunakan peruntukan mengikut pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran atau jabatan terakhir pegawai berkhidmat. Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi tatacara pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK-2) seperti berikut:

- a. **Pembayaran Melalui Sistem Emolumen Berkomputer (iSPEKS)**
 - i. Cetak Laporan G004 – Senarai Edit Pembayaran - Bantuan Khas Kewangan;
 - ii. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 4 Tahun 2022;
 - iii. Kemas kini data sebenar ke dalam Sistem iSPEKS;

- iv. Sahkan Laporan G004 yang telah dikemas kini dengan ayat seperti berikut; dan

"Disahkan bahawa semua maklumat dan pindaan adalah tepat dan betul. Sekiranya terdapat lebihan/kurangan bayaran, jabatan ini bertanggungjawab untuk membuat kutipan/pelarasannya"

.....
(Tandatangan & Cop Jabatan)

- v. Tindakan (i) hingga (iv) hendaklah dilaksanakan dengan segera sejurus surat ini dikeluarkan. Laporan yang telah disahkan hendaklah dikemukakan ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) selewat-lewatnya pada **9 Disember 2022, jam 6 petang.**

b. Pembayaran Melalui Arahan Bayaran


- i. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 4 Tahun 2022; dan
ii. Sediakan Arahan Bayaran melalui Modul Akaun Belum Bayar.

4. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk menyediakan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) dan merekodkan Pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK-2) ini ke dalam Buku Perkhidmatan pegawai. Bagi pembayaran yang dibuat melalui Arahan Bayaran, salinan Kew.8 dan penyata pengiraan hendaklah dilampirkan sebagai dokumen sokongan bersama Arahan Bayaran tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

☎ : 604-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

s.k : YB Pegawai Kewangan Negeri
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri